

20 MAR 1996

Ramli - Proton

PROJEK KILANG KEDUA PROTON DIKENALI SEBAGAI BANDAR PROTON TG MALIM

TANJUNG MALIM, 20 Mac (Bernama) -- Projek kilang kedua Perusahaan Otomobil Nasional (Proton) di Behrang Ulu dekat sini, sebagai permulaan, akan dikenali sebagai Bandar Proton Tanjung Malim, kata Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib hari ini.

Beliau berkata nama itu akan digunakan buat sementara waktu sebelum nama yang lebih sesuai diperolehi.

Projek bersepadu bandar automobil di kawasan seluas 1,600 hektar itu, yang akan dibina selepas upacara pecah tanah oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Sabtu ini, merupakan satu projek yang akan memperkembangkan lagi pembangunan industri berat di negara ini khususnya di Perak, katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri taklimat mengenai persiapan bagi acara pecah tanah itu di tapak projek di Behrang Ulu, kira-kira 20 km dari sini.

Ramli berkata memandangkan projek itu satu pembangunan industri berat yang terbesar di negeri ini, kerajaan negeri akan mengadakan acara pecah tanah itu secara besar-besara bagi menandakan bermulanya projek itu yang dijangka dapat mempertingkatkan kedudukan ekonomi negeri dan penduduk di sekitar daerah ini.

Bagaimanapun beliau berharap Proton dan Hicom, yang akan membangunkan projek bernilai RM4,000 juta itu, mengimbangi pembangunan itu dengan alam sekitar dan mewujudkan satu keharmonian antara kehijauan kawasan itu dengan projek industri berkenaan.

Beliau berkata Proton dan Hicom akan membina kilang Proton, pusat vendor, pusat kajian dan pembangunan serta kawasan perumahan, komersil dan rekreasi di kawasan tersebut.

Walaupun pembinaan keseluruhan projek itu dijangka mengambil masa 10 tahun, Ramli berkata pengeluaran pertama kilang itu dijangka pada 1998 atau 1999.

Beliau berkata bagi memenuhi jumlah kenderaan yang dijangka meningkat di kawasan ini, yang merangkumi kawasan ladang dan kampung tradisi, kerajaan negeri memohon peruntukan daripada kerajaan pusat atau mendapatkan bantuan swasta bagi mengadakan lebuh raya baru antara Slim River dan Teluk Intan serta mempertingkatkan taraf beberapa jalan di situ.

Katanya lebuh raya baru itu akan disambungkan ke lebuh raya pantai barat yang sedang dirancang pembinaannya. Ia akan memendekkan masa perjalanan daripada Behrang Ulu ke pelabuhan Lumut dan Kelang. -- BERNAMA

HK NAK